



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

—
VERSI DALAM TALIAN
TEKS CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI
—

Akta 45

AKTA SARAAN HAKIM 1971

Sebagaimana pada 1 Januari 2026

Teks ini HANYALAH TEKS KEMAS KINI bagi Akta Saraan Hakim 1971 oleh Jabatan Peguam Negara. Melainkan jika dan sehingga dicetak semula menurut kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah subseksyen 14(1) Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1], teks ini BUKAN TEKS YANG SAH

AKTA SARAAN HAKIM 1971

Tarikh Perkenan Diraja	30 Ogos 1971
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	2 September 1971
Kali terakhir dipinda P.U. (A) 455/2025 yang mula berkuat kuasa pada	1 Januari 2026

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

<i>Cetakan Semula Yang Pertama</i>	1979
<i>Cetakan Semula Yang Kedua</i>	1993
<i>Cetakan Semula Yang Ketiga</i>	1999
<i>Cetakan Semula Yang Keempat</i>	2006

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 45

AKTA SARAAN HAKIM 1971

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
- 1A. Tafsiran

BAHAGIAN II

GAJI DAN ELAUN HAKIM

2. Gaji dan elaun Hakim

BAHAGIAN III

PENCEN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN HAKIM DAN ORANG TANGGUNGAN

3. Pencen dan faedah-faedah lain bagi Hakim
4. Penghitungan dan amaun pencen Hakim
5. Tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum
6. Tempoh pencen yang digerenti
7. Ganjaran
- 7A. Tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman
8. Pencen dan ganjaran dalam hal persaraan tertentu, peletakan jawatan dan terhenti memegang jawatan
- 8A. Bersara kerana uzur
- 8B. Bersara kerana sebab khas

Seksyen

- 8C. Perkhidmatan dalam jawatan yang lain demi kepentingan negara
9. Peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar
10. Pencen terbitan dan ganjaran terbitan apabila Hakim mati dalam perkhidmatan
11. Pencen terbitan jika Hakim mati dalam persaraan
- 11A. Hal keadaan yang dalamnya pembayaran pencen terbitan tidak boleh dibuat atau adalah terhenti
- 11B. Pencen hilang upaya bagi Hakim
- 11C. Pencen tanggungan
- 11D. Award sementara jika amaun pencen atau faedah-faedah lain belum dapat ditentukan
- 11E. Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir
12. Hakim dilantik dari perkhidmatan awam
13. Pencen tidak boleh diserahkan atau dipindahkan, dsb.
14. Pindaan berbangkit
15. Kecualian

BAHAGIAN IIIA

PENYELARASAN PENCEN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN
BAGI HAKIM DAN ORANG TANGGUNGAN

- 15A. Pemakaian Bahagian
- 15B. Penyelarasan pencen dan faedah lain bagi Hakim dan orang tanggungan

BAHAGIAN IV

AM

16. Pemilihan
17. Pembayaran pencen atau faedah lain
18. Pertanggungan pada Kumpulan Wang Disatukan
19. Peraturan-peraturan
- 19A. Saraan Pesuruhjaya Kehakiman
20. Pemansuhan

Seksyen

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA (*Dipotong*)

JADUAL KEEMPAT (*Dipotong*)

JADUAL KELIMA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 45

AKTA SARAAN HAKIM 1971

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai saraan Hakim dan mengenai pencen dan faedah-faedah lain bagi orang tanggungannya, dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya.

[Seluruh Malaysia—3 September 1971]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan pemakaian

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Saraan Hakim 1971.

(2) Akta ini adalah terpakai bagi jawatan Hakim.

Tafsiran

1A. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“anak” ertinya anak seseorang Hakim yang mati—

- (a) iaitu seorang anak yang di bawah umur dua puluh satu tahun dan termasuklah—
- (i) anak yang lahir selepas kematian Hakim itu, anak tiri tanggungan dan anak tak sah taraf Hakim itu; dan
 - (ii) anak yang diangkat oleh Hakim itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkatan atau di bawah mana-mana adat atau kelaziman, dengan bukti yang memuaskan mengenai pengangkatan itu; dan
- (b) iaitu seorang anak tidak kira apa jua umurnya dan terencat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri;

“gaji semasa” ertinya gaji yang berkenaan yang akhir sekali yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang kena dibayar kepada seseorang Hakim;

“gaji yang akhir diterima” ertinya gaji hakiki bulanan yang akhir diterima sebenarnya oleh Hakim, yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, sebelum kematian atau persaraannya;

“Hakim” ertinya Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi dan termasuklah Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar;

“orang tanggungan” ertinya suami atau isteri, anak, ibu atau bapa tanggungan Hakim yang mati;

“pencen dan faedah-faedah lain” atau “pencen atau faedah-faedah lain” termasuklah pencen, pencen hilang upaya, ganjaran, pencen terbitan, pencen dan ganjaran terbitan orang tanggungan yang diberikan, atau yang diberikan dan diselaraskan, di bawah Akta ini, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi tidak termasuk apa-apa elaun atau keistimewaan lain yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

“persaraan” ertinya—

- (a) persaraan daripada jawatan Hakim di bawah perenggan 8(a);
- (b) persaraan daripada jawatan itu di bawah seksyen 8A atau 8B;
- (c) peletakan jawatan daripada jawatan itu di bawah perenggan 8(c); atau
- (d) terhenti memegang jawatan itu di bawah perenggan 8(d);

“Pesuruhjaya Kehakiman” ertinya seseorang yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Kehakiman sepenuh masa di bawah Perkara 122AB Perlembagaan Persekutuan;

“saraan” hendaklah mempunyai pengertian yang diberikan kepada ungkapan itu dalam Fasal (2) Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan;

“suami atau isteri” ertinya suami yang menakat atau isteri yang menakat kepada seseorang Hakim yang mati yang perkahwinannya dengan Hakim itu diiktiraf di Malaysia sebagai suatu perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, adat, agama atau kelaziman.

BAHAGIAN II

GAJI DAN ELAUN HAKIM

Gaji dan elaun Hakim

2. (1) Gaji hendaklah dibayar kepada setiap Hakim yang disebut dalam ruang pertama Jadual Pertama sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang kedua yang bersetentangan dengannya dalam Jadual tersebut mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam ruang ketiga yang bersetentangan dengannya.

(2) Elaun atau keistimewaan lain hendaklah dibayar atau diberikan kepada setiap Hakim yang disebut dalam ruang pertama Jadual Kedua sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual tersebut mulai dari

tarikh yang dinyatakan dalam ruang kedua yang bersetentangan dengannya itu.

BAHAGIAN III

PENCEN DAN FAEDAH-FAEDAH LAIN HAKIM DAN ORANG TANGGUNGAN

Pencen dan faedah-faedah lain bagi Hakim

3. Seseorang Hakim apabila bersara adalah berhak mendapat pencen dan faedah-faedah lain mengikut Akta ini.

Penghitungan dan amaun pencen Hakim

4. (1) Tertakluk pada Bahagian ini, pencen Hakim hendaklah dihitung mengikut kadar $\frac{1}{360}$ daripada gaji akhir yang diterimanya bagi setiap bulan genap perkhidmatan sebagai Hakim:

Dengan syarat bahawa tiada sekali-kali pencen yang dihitung sedemikian boleh lebih daripada $\frac{3}{5}$ daripada gaji yang akhir diterimanya tetapi, bagaimanapun, tanpa menjejaskan apa-apa penyelarasan pencen untuk faedahnya yang boleh dibuat mengikut Bahagian IIIA.

(2) Bagi maksud menghitung pencen seseorang Hakim, tempoh perkhidmatan seseorang Hakim dalam suatu jawatan yang lain di bawah seksyen 8C hendaklah dihitung sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim.

Tempoh perkhidmatan bagi pencen maksimum

5. (1) Bagi maksud menghitung pencen seseorang Hakim, tempoh perkhidmatan untuk melayakkannya mendapat pencen maksimum ialah 18 tahun sebagai seorang Hakim.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang Hakim telah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah perenggan 8C(1)(b), melepaskan jawatannya untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara dan selepas menamatkan tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu—

- (a) dilantik semula serta-merta untuk memegang jawatan Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim sebelum, dan tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu selepas, dia melepaskan jawatannya sebagai Hakim hendaklah dihitug sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim; atau
- (b) tidak dilantik semula untuk memegang jawatan Hakim oleh sebab dia telah mencapai umur persaraannya menurut subseksyen 8C(3), tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim sebelum, dan tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu sehingga dia mencapai umur persaraannya selepas, dia melepaskan jawatannya sebagai Hakim hendaklah dihitug sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim.

Tempoh pencen yang digerenti

6. Tertakluk pada Akta ini, pencen dan apa-apa faedah lain yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah berterusan bagi seumur hidup orang yang diberi pencen dan apa-apa faedah lain itu.

Ganjaran

7. Seseorang Hakim yang berhak mendapat pencen di bawah Akta ini adalah juga berhak mendapat ganjaran yang amaunnya dihitug mengikut kadar tujuh setengah peratus daripada amaun yang terhasil dengan mendarabkan jumlah bulan genap perkhidmatannya sebagai Hakim dengan gaji terakhir yang diterimanya.

Tempoh perkhidmatan sebagai Pesuruhjaya Kehakiman

7A. (1) Bagi maksud menghitung pencen dan ganjaran seseorang Hakim di bawah Akta ini, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai Hakim hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim.

(2) Subseksyen (1) hendaklah terpakai bagi seseorang Hakim yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara sebelum permulaan kuat kuasa seksyen ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), jika apa-apa pencen atau ganjaran telah dibayar kepada seseorang Hakim di bawah mana-mana undang-undang lain bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada tempoh perkhidmatannya sebagai Hakim, pencen dan ganjarannya di bawah Akta ini hendaklah dikurangkan sebanyak amaun yang telah dibayar sedemikian.

Pencen dan ganjaran dalam hal persaraan tertentu, peletakan jawatan dan terhenti memegang jawatan

8. Jika seseorang—

- (a) bersara daripada jawatan Hakim apabila mencapai umur enam puluh enam tahun atau sehingga suatu masa kemudiannya tetapi masa itu tidak boleh kemudian daripada enam bulan selepas dia mencapai umur itu menurut Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan;
- (b) bersara daripada jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 8A atau 8B;
- (c) meletakkan jawatan Hakim selepas dia memegang jawatan Hakim selama tempoh berterusan yang tidak kurang daripada lima tahun, termasuk tempoh perkhidmatannya

sebagai Pesuruhjaya Kehakiman sebaik sebelum pelantikannya sebagai seorang Hakim; atau

- (d) terhenti memegang jawatan itu sebelum mencapai umur enam puluh enam tahun atau pada bila-bila masa selepas dia mencapai umur itu jika dia sedang memegang jawatan itu menurut Fasal (1) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan atas alasan tidak berdaya, disebabkan oleh kelemahan tubuh atau minda atau apa-apa sebab lain, untuk menjalankan dengan sewajarnya fungsi-fungsi jawatannya,

maka dia adalah berhak mendapat pencen dan ganjaran yang sesuai dengan halnya di bawah Akta ini:

Dengan syarat bahawa amaun pencen yang diberikan kepada seseorang yang bersara daripada jawatan itu dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan (d) atau dalam seksyen 8A tidaklah boleh kurang daripada 1/5 daripada gaji yang akhir diterimanya tetapi, bagaimanapun, tanpa menjejaskan apa-apa penyelarasan pencen untuk faedahnya yang boleh dibuat mengikut Bahagian IIIA.

Bersara kerana uzur

8A. (1) Seseorang Hakim yang belum mencapai umur enam puluh tahun boleh membuat permohonan secara bertulis kepada Ketua Hakim Negara supaya dibenarkan bersara atas alasan uzur.

(2) Apabila menerima apa-apa representasi daripada seseorang Hakim di bawah subseksyen (1), Ketua Hakim Negara boleh menubuhkan, selepas berunding dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, suatu lembaga yang terdiri daripada tidak kurang daripada tiga orang Pegawai Perubatan yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada sepuluh tahun dalam perkhidmatan awam dan yang daripada antara mereka sekurang-kurangnya seorang adalah mempunyai kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang berkaitan dengan keuzuran Hakim yang berkenaan itu, untuk memeriksa dan membuat laporan kepada Ketua Hakim Negara mengenai kesihatan Hakim tersebut.

(3) Apabila menerima laporan lembaga Pegawai Perubatan itu, Ketua Hakim Negara boleh, jika berpuas hati bahawa demi kepentingan pentadbiran kehakiman Hakim itu patut diberi kebenaran untuk bersara, memberikan perakuan kepada Perdana Menteri supaya kebenaran itu diberikan kepada Hakim tersebut; dan Perdana Menteri dengan itu boleh mengemukakan perkara itu kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah merujuk perkara itu kepada suatu tribunal yang dilantik olehnya menurut Fasal (4) Perkara 125 Perlembagaan untuk mendapatkan perakuan daripadanya.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh, atas perakuan tribunal itu, memberikan kebenaran itu dan meluluskan persaraan itu.

(5) Jika Ketua Hakim Negara berhasrat untuk bersara daripada jawatan Ketua Hakim Negara atas alasan uzur, subseksyen terdahulu tidaklah terpakai, tetapi Perdana Menteri boleh, selepas membuat apa-apa rujukan yang difikirkannya wajar, mengemukakan perkara itu kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah merujuk perkara itu kepada suatu tribunal yang dilantik olehnya menurut Fasal (4) Perkara 125 Perlembagaan untuk mendapatkan perakuan daripadanya; dan Yang di-Pertuan Agong boleh, atas perakuan tribunal itu, meluluskan persaraan itu.

Bersara kerana sebab khas

8B. (1) Seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi yang belum mencapai umur enam puluh tahun tetapi telah memegang jawatan Hakim selama tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak kurang daripada sepuluh tahun boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Negara, membuat permohonan kepada Yang di-Pertuan Agong supaya dibenarkan bersara untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain; dan Yang di-Pertuan Agong boleh, setelah berpuas hati, atas perakuan Perdana Menteri, bahawa demi kepentingan dan keperluan khas sesuatu Negeri atau demi kepentingan Malaysia pada keseluruhannya bagi Hakim tersebut berkhidmat dalam jawatan tersebut, memberikan kebenaran supaya Hakim tersebut bersara.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, “seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan”, bagi maksud seksyen ini, adalah termasuk Hakim Besar, Presiden dan Ketua Hakim Negara; dan dalam pemakaiannya terhadap Ketua Hakim Negara, subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah perkataan “dengan kelulusan Ketua Hakim Negara” telah ditinggalkan daripadanya.

Perkhidmatan dalam jawatan yang lain demi kepentingan negara

8C. (1) Seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi boleh dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong demi kepentingan negara untuk —

- (a) berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain tanpa melepaskan jawatannya sebagai Hakim; atau
- (b) melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain,

selama apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Yang di-Pertuan Agong.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), jika seseorang Hakim dikehendaki untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain demi kepentingan negara, saraan yang Hakim itu adalah berhak kepadanya di bawah Akta ini dalam tempoh dia berkhidmat dalam jawatan yang lain itu hendaklah dibayar oleh badan yang Hakim itu berkhidmat dalam jawatan yang lain itu.

(3) Jika Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi dikehendaki untuk melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam jawatan yang lain di bawah perenggan (1)(b) dan selepas menamatkan tempoh perkhidmatannya dalam jawatan yang lain itu, tidak dilantik semula untuk memegang jawatan Hakim oleh sebab dia telah mencapai umur persaraannya, dia hendaklah disifatkan telah berkhidmat sebagai Hakim sehingga umur enam puluh enam tahun dan bersara menurut perenggan 8(a).

Peruntukan khas bagi Ketua Hakim Negara, Presiden dan Hakim Besar

***9.** Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini tetapi tertakluk pada seksyen 8, seseorang yang memegang jawatan Ketua Hakim Negara, Presiden atau Hakim Besar adalah berhak mendapat pencen maksimum jika dia telah memegang salah satu atau kesemua jawatan itu selama suatu tempoh yang kesemuanya tidak kurang daripada tiga tahun.

Pencen terbitan dan ganjaran terbitan apabila Hakim mati dalam perkhidmatan

10. (1) Tertakluk pada subseksyen (4), jika seseorang Hakim mati dalam perkhidmatan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberikan—

- (a) pencen terbitan dan ganjaran terbitan kepada suami atau isteri atau anaknya atau suami atau isteri dan anak itu, kedua-keduanya, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) ganjaran terbitan kepada ibunya atau, jika ibunya tidak ada, kepada bapa tanggungannya,

mengikut hak Hakim itu, yang dihitung mengikut seksyen 4 dan 7:

Dengan syarat bahawa amaun pencen terbitan yang diberikan itu tidaklah boleh kurang daripada 1/5 daripada gaji yang akhir diterima tetapi, bagaimanapun, tanpa menjejaskan apa-apa penyelarasan pencen terbitan untuk faedah penerima yang boleh dibuat mengikut peruntukan Bahagian IIIA.

(2) (*Dipotong oleh Akta A1346*).

(3) Pencen terbitan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar mengikut subseksyen (2)—

*CATATAN—Seksyen ini hendaklah terpakai bagi seorang Hakim yang masih dalam perkhidmatan atau yang telah bersara daripada perkhidmatan sebelum pindaan kepada seksyen ini mula berkuat kuasa—lihat subseksyen 5(2) Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2011 [*Akta A1401*].

- (a) selama hayat jika penerima ialah—
 - (i) seorang suami atau isteri;
 - (ii) seorang anak yang disebut dalam perenggan (b) tafsiran “anak” dalam seksyen 1A;
- (b) selama tempoh pendidikannya jika penerima seorang anak yang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi bukannya pendidikan yang menuju melampaui ijazah pertama.

(4) Pencen terbitan dan ganjaran terbitan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar mengikut apa-apa perkadaran sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dan pencen terbitan itu boleh diumpukkan semula di kalangan penerima lain yang layak bila-bila masa sahaja mana-mana penerima mati atau tidak lagi layak untuk mendapat pembayaran itu.

(5) Jika seseorang Hakim mati dalam perkhidmatan dan tidak meninggalkan suami atau isteri, anak, ibu atau bapa tanggungan yang menakatinya, maka ganjaran terbitan sahaja, yang dihitung mengikut seksyen 7, hendaklah dibayar kepada wakil diri di sisi undang-undang Hakim yang mati itu.

Pencen terbitan jika Hakim mati dalam persaraan

11. (1) Jika seseorang Hakim mati dalam atau selepas tempoh dua puluh tahun dari tarikh persaraannya, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi suami atau isteri atau anaknya, atau suami atau isteri dan anak itu, kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, pencen terbitan mengikut hak Hakim itu.

(2) Pencen terbitan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar mengikut subseksyen itu—

- (a) selama hayat jika penerima ialah—
 - (i) seorang suami atau isteri;

(ii) seorang anak yang disebut dalam perenggan (b) tafsiran “anak” dalam seksyen 1A;

(b) selama tempoh pendidikannya jika penerima seorang anak yang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi bukannya pendidikan yang menuju melampaui ijazah pertama.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (2), pembayaran pencen terbitan itu hendaklah dibuat hanya jika penerimanya—

(a) kiranya suami atau isteri, telah berkahwin dengan Hakim itu sebelum tarikh persaraannya;

(b) kiranya seorang anak atau anak tiri tanggungan, ialah anak atau anak tiri tanggungan daripada perkahwinan yang telah dilangsungkan sebelum tarikh persaraan Hakim itu;

(c) kiranya seorang anak angkat, telah diangkat sebelum tarikh persaraan Hakim itu;

(d) kiranya seorang anak tak sah taraf, telah dikandungkan sebelum tarikh persaraan Hakim itu.

(4) Untuk mengelakkan keraguan, adalah ditetapkan bahawa jika perkahwinan dengan Hakim yang berkenaan itu telah dilangsungkan selepas tarikh persaraannya dan kematiannya berlaku dalam tempoh dua puluh tahun dari tarikh persaraannya, suami atau isteri atau anak daripada perkahwinan itu, atau suami atau isteri dan anak itu, kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah berhak mendapat pencen terbitan mengikut hak Hakim itu tetapi hanya selama tempoh perbezaan antara tempoh dua puluh tahun dengan tempoh selama mana Hakim itu berada dalam persaraan; dan jika kematian Hakim itu berlaku selepas tempoh dua puluh tahun dari tarikh persaraannya, tiada apa-apa jua pencen terbitan kena dibayar.

(5) Pencen terbitan yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar mengikut apa-apa perkadaran sebagaimana yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong dan ia boleh diumpukkan semula di kalangan penerima lain yang layak

bila-bila masa sahaja seseorang penerima mati atau tidak lagi layak mendapat pembayaran itu.

Hal keadaan yang dalamnya pembayaran pencen terbitan tidak boleh dibuat atau adalah terhenti

11A. (1) Walau apa pun peruntukan seksyen 10 dan 11, tiada apa-apa pembayaran pencen terbitan boleh dibuat atau, jika dibuat, pembayaran itu hendaklah terhenti jika penerimanya—

- (a) *(Dipotong oleh Akta A1170)*;
- (b) seorang anak, selain anak yang disebut dalam perenggan (b) tafsiran “anak” dalam seksyen 1A atau dalam perenggan (c), apabila dia berkahwin atau mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu;
- (c) seorang anak yang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi bukannya pendidikan yang menuju melampaui ijazah pertama, apabila dia tamat atau terhenti mendapat pendidikan itu atau apabila dia berkahwin, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1346)*.

(3) *(Dipotong oleh Akta A1346)*.

Pencen hilang upaya bagi Hakim

11B. (1) Jika seseorang Hakim terhenti memegang jawatan atas alasan tak berdaya kerana kelemahan tubuh badan atau minda atau apa-apa sebab lain untuk menjalankan dengan sepatutnya fungsi jawatannya oleh sebab—

- (a) menanggung bencana semasa melaksanakan dan berbangkit daripada melaksanakan tugas rasminya atau disebabkan oleh kemalangan dalam perjalanan; atau

- (b) mendapat penyakit kerana keadaan persekitaran di tempat kerjanya,

dia adalah berhak, sebagai tambahan kepada pencen dan ganjarannya, mendapat pencen hilang upaya yang dihitung sebagai pecahan daripada gajinya seperti yang berikut:

<i>Darjah Kecacatan</i>	<i>Kadar Kena Dibayar</i>
Tercacat sedikit	1/12
Tercacat	1/6
Tercacat sebahagian besarnya	1/4
Tercacat sama sekali	1/3

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), seseorang Hakim yang dilantik sebelum tarikh berikutan dengan tarikh Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1984 [*Akta A609*] tersiar dalam *Warta* hendaklah membuat pilihan secara bertulis dalam tempoh enam bulan dari tarikh yang berikutan dengan tarikh penyiaran itu sama ada dia, orang tanggungan atau wakil dirinya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah diberi sama ada—

- (a) faedah kematian dan hilang upaya yang diperuntukkan sebagaimana yang sesuai di bawah perenggan 13 Jadual Kedua; atau
- (b) pencen hilang upaya dan pencen tanggungan yang diperuntukkan sebagaimana yang sesuai masing-masingnya di bawah seksyen ini dan seksyen 11C,

sekiranya dia mati atau dia menanggung bencana dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan (1)(a) akibat daripada kemalangan yang disebut dalam perenggan 13 Jadual Kedua, dan sekiranya dia tidak membuat pilihan sedemikian, peruntukan perenggan 13 Jadual Kedua hendaklah terus terpakai bagi kesnya.

(3) Tertakluk pada subseksyen (2), jika Hakim yang disebut dalam subseksyen (1) telah menanggung bencana itu dalam suatu kawasan keselamatan yang diisytiharkan di bawah seksyen 47 *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82], pecahan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah dalam subseksyen itu $\frac{1}{12}$ telah digantikan dengan $\frac{1}{8}$, $\frac{1}{6}$ dengan $\frac{1}{4}$, $\frac{1}{4}$ dengan $\frac{3}{8}$ dan $\frac{1}{3}$ dengan $\frac{1}{2}$ di mana-mana jua ia terdapat.

(4) Tiada seorang pun Hakim layak mendapat pencen hilang upaya di bawah seksyen ini melainkan jika kecacatan yang berkenaan itu adalah kekal, sebagaimana yang ditentukan oleh lembaga Pegawai Perubatan yang ditubuhkan bagi maksud itu di bawah seksyen 8A.

(5) Bagi maksud subseksyen (1), “bencana” atau “penyakit” ertinya bencana atau penyakit yang bukan disebabkan oleh, atau yang tidak menjadi semakin teruk atau disebabkan oleh, kecuaiian atau salah laku pada pihak Hakim yang berkenaan itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 11C, “gaji” ertinya gaji Hakim sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama pada masa menanggung bencana atau menghidap penyakit itu.

(7) Jika seseorang Hakim yang dilantik pada atau selepas tarikh berikutan dengan tarikh Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1984 tersiar dalam *Warta* menanggung bencana dalam hal keadaan yang disebut dalam perenggan (1)(a), dia adalah berhak mendapat pencen hilang upaya hanya di bawah seksyen ini dan dia tidaklah mempunyai apa-apa hak membuat pilihan di bawah subseksyen (2) supaya diberi faedah kematian dan hilang upaya yang diperuntukkan sebagaimana yang sesuai di bawah perenggan 13 Jadual Kedua.

Pencen tanggungan

11c. (1) Tertakluk pada subseksyen (5), jika seseorang Hakim mati dalam mana-mana hal keadaan yang disebut dalam perenggan 11B(1)(a) atau (b) dan kematian itu berlaku dalam tempoh

*CATATAN—Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82] telah dimansuhkan oleh Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747]—lihat seksyen 32 Akta 747.

tujuh tahun dari tarikh menanggung bencana itu atau mendapat penyakit yang disebut dalamnya, orang tanggungannya adalah berhak, sebagai tambahan kepada pencen terbitan dan apa-apa ganjaran terbitan, mendapat pencen tanggungan yang dihitung sebagai pecahan daripada gaji Hakim seperti yang berikut:

- | | | |
|-----|---|------|
| (a) | kepada balu | 1/6 |
| (b) | jika Hakim yang mati itu meninggalkan balu yang kepadanya pencen tanggungan diberikan di bawah perenggan (a), bagi setiap orang anak sehingga seramai enam orang | 1/48 |
| (c) | jika Hakim yang mati itu tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen tanggungan diberikan kepada balu di bawah perenggan (a), bagi setiap orang anak sehingga seramai enam orang | 1/24 |
| (d) | mulai dari tarikh berkahwin lagi atau tarikh yang berikutan dengan tarikh kematian balu yang pencen tanggungan telah diberikan kepadanya di bawah perenggan (a), bagi setiap orang anak sehingga seramai enam orang ... | 1/24 |
| (e) | jika ibu Hakim yang mati itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya pada Hakim itu untuk nafkah pada masa kematiannya, kepada ibu itu manakala tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi— | |
| | (i) jika Hakim yang mati itu tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen tanggungan diberikan kepada balu di bawah perenggan (a) ... | 1/6 |
| | (ii) jika Hakim yang mati itu meninggalkan balu yang pencen tanggungan diberikan kepadanya di bawah perenggan (a) ... | 1/12 |

- (f) jika bapa Hakim yang mati itu bergantung sepenuhnya atau sebahagian besarnya pada Hakim itu untuk nafkah pada masa kematiannya, kepada bapa itu manakala tidak mempunyai punca nafkah yang mencukupi—
- (i) jika Hakim yang mati itu tidak meninggalkan balu atau tiada apa-apa pencen tanggungan diberikan kepada balu di bawah perenggan (a) dan ibu Hakim itu sudah mati atau 1/6
 - (ii) jika Hakim yang mati itu meninggalkan balu yang pencen tanggungan diberikan kepadanya di bawah perenggan (a) dan ibu Hakim itu sudah mati 1/12

(2) Tertakluk pada subseksyen (5), jika Hakim yang disebut dalam subseksyen (1) telah menanggung bencana itu dalam suatu kawasan keselamatan yang diisytiharkan di bawah seksyen 47 *Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, pecahan yang dinyatakan dalam subseksyen (1) hendaklah dibaca seolah-olah dalam subseksyen itu 1/6 telah digantikan dengan 1/4, 1/48 dengan 1/24, 1/24 dengan 1/12 dan 1/12 dengan 1/8 di mana-mana jua ia terdapat.

(3) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1) dan (2), tiada apa-apa bayaran pencen tanggungan boleh dibuat atau, jika dibuat, pembayaran itu hendaklah terhenti jika penerimanya—

- (a) (*Dipotong oleh Akta A1170*);
- (b) seorang anak, selain anak yang disebut dalam perenggan (b) tafsiran “anak” dalam seksyen 1A atau dalam perenggan (c), apabila dia berkahwin atau mencapai umur dua puluh satu tahun, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu;
- (c) seorang anak yang mendapat pendidikan di suatu institusi pelajaran tinggi tetapi bukannya pendidikan yang menuju

*CATATAN—Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 [Akta 82] telah dimansuhkan oleh Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747]-lihat seksyen 32 Akta 747.

melampaui ijazah pertama, apabila dia tamat atau terhenti mendapat pendidikan itu atau apabila dia berkahwin, mengikut mana-mana yang berlaku dahulu;

- (d) ibu atau bapa Hakim yang mati itu, apabila diperoleh bukti bahawa ibu atau bapa itu ada diberi dengan cukup punca nafkah yang lain.

(4) Pecen tanggungan yang diberikan di bawah seksyen ini boleh ditentukan semula bila-bila masa sahaja mana-mana penerima mati atau terhenti layak mendapat pembayaran itu.

(5) Seksyen ini tidaklah terpakai bagi orang tanggungan Hakim yang perenggan 13 Jadual Kedua terpakai baginya menurut subseksyen 11B(2).

Award sementara jika amaun pecen atau faedah-faedah lain belum dapat ditentukan

11D. Jika seseorang Hakim atau orang tanggungannya layak mendapat apa-apa pecen atau faedah-faedah lain di bawah Akta ini tetapi amaun pecen atau faedah-faedah lain itu belum dapat ditentukan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi Hakim atau orang tanggungannya itu suatu award sementara berupa pecen atau faedah-faedah lain sementara menantikan penentuan amaun itu.

Pembayaran tanpa probet atau surat kuasa mentadbir

11E. (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika seseorang Hakim yang berhak mendapat apa-apa bayaran di bawah Akta ini mati sebelum pembayaran dibuat, amaun yang masih belum berbayar boleh dibayar kepada orang tanggungannya tanpa probet atau surat kuasa mentadbir.

(2) Apa-apa amaun yang belum berbayar di bawah seksyen ini tidaklah menjadi sebahagian daripada aset Hakim yang mati dan hendaklah digunakan untuk faedah orang tanggungannya.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “belum berbayar” ertinya belum lagi dibayar oleh Kerajaan atau belum lagi dikeluarkan oleh Hakim.

Hakim dilantik dari perkhidmatan awam

12. (1) Jika seorang Hakim dilantik dari kalangan anggota perkhidmatan awam dan dia belum mencapai umur lima puluh tahun, maka orang yang dilantik sedemikian hendaklah, bagi maksud undang-undang yang berhubungan dengan pencen atau ganjaran yang terpakai baginya, disifatkan telah bersara daripada perkhidmatan tersebut seolah-olah dia telah mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh sebelum sahaja pelantikan itu dan orang itu adalah layak mendapat suatu pencen atau ganjaran mengikut undang-undang yang disebut terdahulu itu, yang dikira mengikut bilangan bulan perkhidmatan masuk kira yang telah genap sebelum tarikh pelantikan itu.

(2) Jika seorang Hakim dilantik dari kalangan anggota perkhidmatan awam dan dia telah mencapai umur lima puluh tahun, maka orang yang dilantik sedemikian hendaklah, bagi maksud undang-undang yang berhubungan dengan pencen atau ganjaran yang terpakai baginya, disifatkan telah membuat opsyen untuk bersara daripada perkhidmatan tersebut selepas mencapai umur lima puluh tahun pada tarikh sebelum sahaja pelantikan itu, dan orang itu adalah layak mendapat suatu pencen atau ganjaran yang sepatutnya.

(3) Sesuatu pencen atau ganjaran yang boleh diberikan kepada seseorang Hakim di bawah subseksyen (1) atau (2) seksyen ini hendaklah kena dibayar bagi kes seseorang Hakim yang disebut dalam subseksyen (1) apabila dia mencapai umur lima puluh tahun dan bagi kes seorang Hakim yang disebut dalam subseksyen (2) apabila dia dilantik menjadi seorang Hakim:

Dengan syarat bahawa apabila dia mencapai umur lima puluh tahun, seseorang yang disebut dalam subseksyen (1)—

(a) memegang jawatan Hakim; atau

- (b) berkhidmat atas sifat yang berkenaan dengannya dia telah diberi kebenaran untuk bersara di bawah seksyen 8B.

(3A) Jika seseorang yang disebut dalam subseksyen (1)—

- (a) mati semasa memegang jawatan Hakim; atau
- (b) mati semasa berkhidmat atas sifat yang berkenaan dengannya dia telah diberi kebenaran untuk bersara daripada jawatan Hakim di bawah seksyen 8B,

sebelum mencapai umur lima puluh tahun, orang tanggungannya hendaklah diberi pencen terbitan dan ganjaran terbitan mengikut undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1).

(3B) Walau apa pun peruntukan subseksyen (3), jika seseorang Hakim yang disebut dalam subseksyen (1) bersara daripada jawatan di bawah perenggan 8(d) atau di bawah seksyen 8A sebelum mencapai umur lima puluh tahun, dia hendaklah diberi pencen dan ganjaran mengikut undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1), dan kiranya dia mati semasa dalam persaraan, orang tanggungannya hendaklah diberi pencen terbitan mengikut undang-undang itu.

(3C) Pencen, ganjaran, pencen terbitan atau ganjaran terbitan yang diberikan di bawah seksyen ini hendaklah sebagai tambahan kepada pencen dan faedah-faedah lain yang seseorang mungkin berhak kepadanya di bawah Akta ini.

(3D) Jika kelayakan mendapat apa-apa pencen terbitan atau pencen tanggungan di bawah undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) adalah bergantung kepada penghitungan apa-apa tempoh masa dari berlakunya kejadian di bawah undang-undang itu, penghitungan masa itu hendaklah bermula dari tarikh pencen atau pencen hilang upaya dibayar atau adalah genap masanya dibayar di bawah seksyen ini kepada orang yang disebut dalam subseksyen (1) dan tidak selainnya, dan undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah terpakai sebagaimana yang diubahsuaikan oleh subseksyen ini bagi orang tanggungan Hakim yang seksyen ini terpakai bagi mereka itu.

(3E) Proviso kepada subseksyen (3) tidaklah terpakai bagi seseorang Hakim yang telah, sebagaimana yang dikehendaki oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 8C, melepaskan jawatan Hakim untuk berkhidmat dalam suatu jawatan yang lain selama apa-apa tempoh demi kepentingan negara, dan masih berkhidmat dalam jawatan itu apabila dia mencapai umur lima puluh tahun.

(4) Seksyen ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada tarikh Akta ini mula berkuat kuasa:

Dengan syarat bahawa bagi seseorang Hakim yang dilantik dari kalangan anggota perkhidmatan awam—

- (a) yang telah mencapai umur lima puluh tahun tetapi bukan umur lima puluh lima tahun sebelum 1 Julai 1977, Hakim itu tidak boleh dibayar pencen dan ganjaran mengenai apa-apa tempoh sebelum 1 Julai 1977; dan
- (b) yang telah mencapai umur lima puluh lima tahun sebelum 1 Julai 1977, Hakim itu hendaklah dibayar pencen dan ganjaran dari tarikh dia mencapai umur itu,

dan subseksyen (3) hendaklah terpakai bagi segala kes lain mulai dari 1 Julai 1977.

Pencen tidak boleh diserahkan atau dipindahkan, dsb.

13. Tiada apa-apa pencen atau faedah lain yang diberikan di bawah Akta ini boleh diserahkan atau dipindahkan, atau ditahan, diasingkan atau dilevi, bagi atau berkenaan dengan apa-apa jua hutang atau tuntutan selain—

- (a) hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan; atau
- (b) hutang yang kena dibayar kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [*Akta 767*] berkenaan dengan kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam yang diberikan oleh Lembaga itu.

Pindaan berbangkit

14. (1) Seksyen 2 Ordinan Pencen 1951 [*No. 1 tahun 1951*], sebagaimana yang terpakai bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, adalah dengan ini dipinda dengan memotong perkataan “a Judge of the Supreme Court and” daripada takrif “officer” di dalamnya.

(2) Tertakluk pada seksyen 12 dan 16, setakat yang Ordinan Pencen 1951 yang disebut terdahulu, Ordinan Pencen 1963 Sabah [*No. 3 tahun 1963*] dan Ordinan Pencen Sarawak [*Bab 89*], mengikut mana-mana yang berkenaan, terpakai bagi seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak dan setakat yang peruntukan sesuatu pemberitahuan yang dibuat di bawah seksyen 2 undang-undang pencen yang disebut terdahulu itu masing-masing berkenaan dengan jawatan seseorang Hakim hendaklah disifatkan sebagai tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa atau kesan apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

Kecualian

15. (1) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini menyentuh sesuatu pencen atau ganjaran yang telah diberikan atau yang layak didapati oleh seseorang Hakim sebelum Akta ini mula berkuat kuasa; dan pembayaran pencen atau ganjaran yang diberikan sedemikian boleh diteruskan dan pencen atau ganjaran yang layak didapati olehnya itu boleh diberikan di bawah mana-mana undang-undang yang berkenaan melainkan jika dia telah memilih menurut seksyen 16 supaya tertakluk pada Akta ini.

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyebabkan Kerajaan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa wang yang lebih banyak jumlahnya daripada yang kena dibayar kepada seseorang Hakim sebagai pencen atau ganjaran sama ada sebagai bunga atau selainnya, dan sama ada pencen atau ganjaran itu kena dibayar sebelum atau selepas Akta ini mula berkuat kuasa.

BAHAGIAN IIIA

PENYELARASAN PENCEN DAN FAEDAH-FAEDAH
LAIN BAGI HAKIM DAN ORANG TANGGUNGAN

Pemakaian Bahagian

15A. (1) Tertakluk pada seksyen ini, Bahagian ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) Hakim yang apabila bersara menerima atau berhak menerima pencen atau faedah lain di bawah Bahagian III;
- (b) orang tanggungan Hakim yang disebut dalam perenggan (a) yang, atas kematian semasa dalam perkhidmatan atau dalam persaraan Hakim yang berkenaan, menerima atau berhak menerima pencen atau faedah-faedah lain di bawah Bahagian III.

(2) *(Dipotong oleh Akta A1346).*

(3) *(Dipotong oleh Akta A1346).*

Penyelarasan pencen dan faedah lain bagi Hakim dan orang tanggungan

15B. (1) Tertakluk pada Bahagian III dan Bahagian ini, pencen dan faedah lain yang diberikan kepada Hakim dan orang tanggungan mereka di bawah Akta ini hendaklah diselaraskan setiap tahun dengan kenaikan sebanyak dua peratus mengikut peruntukan Akta ini dan hendaklah dibayar atau adalah kena dibayar mulai Januari setiap tahun.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika pemakaian kadar kenaikan yang ditetapkan akan mengakibatkan suatu keadaan yang kurang baik bagi seseorang Hakim yang dilantik sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini, Yang di-Pertuan Agong boleh, melalui perintah dalam *Warta*, menetapkan peratusan kenaikan yang lebih tinggi yang sesuai untuk dipakai dalam hal sedemikian.

(3) Bagi maksud suatu perintah di bawah subseksyen (2), Yang di-Pertuan Agong boleh menetapkan —

- (a) peratusan kenaikan yang berlainan bagi kategori penerima yang berlainan; dan
- (b) bahawa peratusan kenaikan yang lebih tinggi itu hendaklah hanya terpakai bagi sesuatu tahun yang ditetapkan atau mana-mana bahagian daripadanya, dan dalam hal sedemikian, tarikh yang padanya penyelarasan itu hendaklah kena dibayar.

(4) Apa-apa pencen terbitan yang diberikan di bawah Bahagian III hendaklah diselaraskan mengikut subseksyen (1).

(5) Apa-apa pencen hilang upaya atau pencen tanggungan yang diberikan di bawah Bahagian III hendaklah diselaraskan mengikut subseksyen (1) tetapi faktor yang terpakai hendaklah faktor yang terpakai di bawah Bahagian itu.

(6) Jika faktor yang disebut dalam subseksyen (5) berubah mengikut kelayakan orang tanggungan itu sebagaimana yang ditetapkan di bawah Bahagian itu, pencen tanggungan hendaklah diselaraskan berdasarkan gaji isyarat sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen (7) dengan menggunakan faktor baru yang terpakai di bawah Bahagian itu.

(7) Gaji isyarat —

- (a) dalam hal orang tanggungan yang menerima pencen tanggungan sebelum atau pada 1 Januari 2014, ialah amaun gaji bersamaan yang akhir diterima yang diterima oleh Hakim pada 1 Januari 2014 yang telah dihitung dengan kenaikan sebanyak dua peratus setiap tahun sehingga tahun apabila faktor itu berubah; atau
- (b) dalam hal orang tanggungan yang menerima pencen tanggungan pada atau selepas 2 Januari 2014, ialah amaun gaji yang akhir diterima yang diterima oleh Hakim pada tarikh kematiannya yang telah dihitung dengan kenaikan

sebanyak dua peratus setiap tahun sehingga tahun apabila faktor itu berubah.

(8) Jika peratusan kenaikan yang lebih tinggi telah ditetapkan di bawah subseksyen (2), kenaikan yang ditetapkan di bawah subseksyen (3), (4) dan (5) hendaklah dihitung dengan menggunakan peratusan lebih tinggi yang ditetapkan itu.

(9) Amaun pencen orang tanggungan yang diselaraskan di bawah subseksyen (6) hendaklah digunakan sebagai asas bagi penyelarasan di bawah subseksyen (5) dalam tahun-tahun berikutnya.

(10) Bagi maksud seksyen ini, “gaji bersamaan yang akhir diterima” ertinya gaji bersamaan yang akhir diterima yang telah diselaraskan pada 1 Januari 2014 menurut Akta ini sebelum mula berkuat kuasanya seksyen ini.

BAHAGIAN IV

AM

Pemilihan

16. Seseorang yang telah dilantik sebagai Hakim sebelum Akta ini mula berkuat kuasa boleh dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa memilih dengan bertulis untuk tertakluk pada Akta ini; dan jika dia tidak memilih sedemikian dia hendaklah terus tertakluk pada mana-mana undang-undang lain yang terpakai baginya seolah-olah Akta ini tidak diluluskan.

Pembayaran pencen atau faedah-faedah lain

17. Sesuatu pencen atau faedah lain di bawah Akta ini boleh dibayar tiap-tiap bulan pada akhir setiap bulan pencen atau faedah lain itu genap masanya dibayar atau pada lat tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong sama ada secara am atau dalam sesuatu hal tertentu.

Pertanggunggunaan pada Kumpulan Wang Disatukan

18. Semua pembayaran yang dibuat di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungguankan pada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

Peraturan-peraturan

19. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh meminda atau mengubah peruntukan-peruntukan Jadual Pertama, Kedua dan Kelima.

Saraan Pesuruhjaya Kehakiman

19A. Seseorang Pesuruhjaya Kehakiman adalah berhak menerima apa-apa saraan yang diperuntukkan dalam Jadual Kelima.

Pemansuhan

20. Akta Saraan Hakim 1963 adalah dengan ini dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

[Subseksyen 2(1)]

(1)	(2)	(3)
Hakim	Gaji (berpencen)	Tarikh mula berkuat kuasa
1. Ketua Hakim Negara	RM 46,800.00 sebulan	1-1-2026

Saraan Hakim

33

(1)	(2)	(3)
Hakim	Gaji (berpencen)	Tarikh mula berkuat kuasa
2. Presiden Mahkamah Rayuan	RM 40,950.00 sebulan	1-1-2026
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	RM 39,650.00 sebulan	1-1-2026
4. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak	RM 39,650.00 sebulan	1-1-2026
5. Hakim Mahkamah Persekutuan	RM 37,050.00 sebulan	1-1-2026
6. Hakim Mahkamah Rayuan	RM 35,750.00 sebulan	1-1-2026
7. Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Malaya dan Sabah dan Sarawak	RM 34,450.00 sebulan	1-1-2026

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 2(2)]

1. TEMPAT TINGGAL:

(1)	(2)
<i>Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
1. Ketua Hakim Negara—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM5,000.00 sebulan;	1-1-2009

(1)	(2)
<i>Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(ii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM4,100.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
2. Presiden Mahkamah Rayuan—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM4,000.00 sebulan;	1-1-2009
(ii) peruntukan sebanyak RM2,800.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
3. Hakim Besar—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM4,000.00 sebulan;	1-1-2009
(ii) peruntukan sebanyak RM2,800.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
4. Hakim Mahkamah Persekutuan—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai	1-1-2009

(1)	(2)
<i>Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM3,500.00 sebulan;	
(ii) peruntukan sebanyak RM2,500 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
 5. Hakim Mahkamah Rayuan—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM3,200.00 sebulan;	1-1-2009
(ii) peruntukan sebanyak RM2,300.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
 6. Hakim Mahkamah Tinggi—	
(i) rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM3,000.00 sebulan;	1-1-2009
(ii) peruntukan sebanyak RM2,000.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan	1-1-2009
(iii) peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.	1-1-1996
(A) Keistimewaan dan elaun dalam perenggan ini hendaklah diberikan atau dibayar walaupun Hakim telah diberi pinjaman di bawah skim pinjaman perumahan yang disebut dalam perenggan 14.	

- (B) Dalam perenggan ini, “rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap” ertinya rumah tempat tinggal yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Negara yang disediakan tanpa dikenakan sewa oleh Kerajaan dan disediakan dengan perabot mengikut garis panduan Kerajaan bagi penyediaan perabot di tempat tinggal yang sedemikian.
- (C) Hakim yang tidak tinggal di rumah khas jabatan percuma berperabot lengkap tidak layak untuk mendapat bayaran perumahan khas.

1A. BAYARAN PERUMAHAN KHAS:

(1)	(2)
<i>Bayaran perumahan khas bagi Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
Bayaran perumahan khas sebanyak lima puluh peratus daripada subsidi sewa rumah bagi Hakim yang tinggal di rumah khas Jabatan.	1-9-2007

2. ELAUN KERAJIAN:

(1)	(2)	(3)
<i>Hakim</i>	<i>Amaun</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
1. Ketua Hakim Negara	RM6,000.00 sebulan	1-1-2009
2. Presiden Mahkamah Rayuan	RM5,800.00 sebulan	1-1-2009
3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	RM5,600.00 sebulan	1-1-2009
4. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak	RM5,600.00 sebulan	1-1-2009
5. Hakim Mahkamah Persekutuan	RM5,400.00 sebulan	1-1-2009
6. Hakim Mahkamah Rayuan	RM5,250.00 sebulan	1-1-2009
7. Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Malaya dan Sabah dan Sarawak	RM5,000.00 sebulan	1-1-2009

3. ELAUN WILAYAH:

(1)	(2)
<i>Elaun dan Hakim-Hakim yang layak menerimanya</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Suatu elaun wilayah bulanan atas kadar 10 peratus daripada gaji bulanan hendaklah dibayar kepada Hakim Besar dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak selagi mereka berkhidmat dalam Negeri Sabah dan Sarawak.	1-7-1977
(b) Suatu elaun wilayah bulanan pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan hendaklah dibayar kepada Hakim Besar dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya, dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, selagi mereka berkhidmat di Semenanjung Malaysia.	5-12-2008
(c) Suatu elaun wilayah bulanan pada kadar 10 peratus daripada gaji bulanan hendaklah dibayar kepada Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dari Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, selagi mereka berkhidmat di Semenanjung Malaysia.	1-1-2009

3A. ELAUN SERANTAU BAGI PEKERJA:

(1)	(2)
<i>Elaun serantau bagi pekerja seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Maka hendaklah dibayar bagi mana-mana pekerja seseorang Hakim yang berkhidmat di Negeri Sabah atau Sarawak suatu elaun serantau bulanan pada kadar—	1-7-1980
(a) 25 persen; atau	
(b) 22 1/2 persen,	
gaji bulanan pekerja itu jika gajinya masing-masing adalah—	
(i) kurang daripada RM360.00; atau	
(ii) antara RM360.00 dan RM549.00,	

(1)

Elaun serantau bagi pekerja seseorang Hakim

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

sebulan.

Elaun ini hendaklah dibayar kepada Hakim yang menggajinya.

- (b) Maka hendaklah dibayar bagi mana-mana pekerja dari Sabah, Sarawak atau Wilayah Persekutuan Labuan bagi seseorang Hakim Mahkamah Tinggi Malaya yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia suatu elaun serantau bulanan pada kadar yang sama dan tertakluk pada syarat-syarat yang sama seperti dalam subperenggan (a). 5-12-2008

Elaun ini hendaklah dibayar kepada Hakim yang menggajinya.

3B. ELAUN GANGGUAN:

(1)

Elaun gangguan bagi Hakim

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

Seseorang Hakim yang ditukarkan kembali ke wilayah asalnya layak mendapat elaun gangguan pada kadar sebulan gaji hakiki Hakim.

1-1-2009

3C. ELAUN PERPINDAHAN

(1)

*Jenis elaun perpindahan yang layak bagi seseorang
Hakim*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (a) Elaun, kemudahan dan bayaran kerana bertukar atau berpindah rumah

1-1-2009

Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

(1)

(2)

Jenis elaun perpindahan yang layak bagi seseorang Hakim

Tarikh mula berkuat kuasa

(b) Bayaran perpindahan bagi Hakim yang bersara

Bayaran perpindahan ini boleh diberikan kepada Hakim yang bersara dan keluarganya mengikut keadaan biasa atau atas syor lembaga Pegawai Perubatan dari tempat akhir Hakim tersebut berkhidmat ke tempat yang dipilih untuk bersara di mana-mana sahaja dalam Malaysia. Bayaran perpindahan ini hendaklah didasarkan kepada gaji akhirnya dan terpakai sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

4. ELAUN KHAS:

(1)

(2)

Elaun khas bagi seseorang Hakim

Tarikh mula berkuat kuasa

Apa-apa elaun khas sebagaimana yang difikirkan patut diberi oleh Kerajaan menurut budi bicaranya atas asas *ad hoc*.

1-1-1974

4A. ELAUN MENJALANKAN TUGAS JAWATAN YANG LEBIH TINGGI:

(1)

(2)

Elaun menjalankan tugas jawatan yang lebih tinggi bagi seseorang Hakim

Tarikh mula berkuat kuasa

Elaun ini boleh dibayar kepada seseorang Hakim yang menjalankan tugas jawatan yang lebih tinggi atas arahan Ketua Hakim Negara untuk tempoh tidak kurang daripada 28 hari dengan perkiraan pembayaran satu perempat daripada gaji hakiki bagi jawatan yang lebih tinggi itu.

1-1-1996

5. KERETA KERAJAAN:

(1)	(2)
<i>Peruntukan bagi sebuah kereta, dsb., untuk seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Sebuah kereta Kerajaan termasuk semua aksesori hendaklah diperuntukkan bersama dengan seorang drebar kepada setiap Hakim. Penyenggaraan, peruntukan petrol/diesel, minyak dan pelincir bagi kereta itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan. Kereta Kerajaan seseorang Hakim boleh dibekalkan dengan lencana yang diluluskan oleh Ketua Hakim Negara.	1-1-1996
(b) Kereta Kerajaan seseorang Hakim hendaklah dibekalkan dengan kad "Touch N Go" dan "Smart Tag" atau apa-apa peranti yang mempunyai fungsi yang sama mengikut kadar dan syarat seperti yang diberikan kepada pegawai Turus III dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	13-1-2011

6. ELAUN DREBAR:

(1)	(2)
<i>Elaun dan uniform bagi seseorang drebar Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Maka hendaklah diperuntukkan suatu elaun (termasuk elaun tempat tinggal, elaun sara hidup dan elaun lebih masa) bagi seorang drebar bagi setiap Hakim atas kadar yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.	1-7-1977
(b) Syarat-syarat perkhidmatan drebar itu hendaklah sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan.	
(c) Sehingga ditetapkan selainnya oleh Kerajaan, elaun yang boleh dibayar di bawah perenggan ini hendaklah sama seperti gaji dan elaun yang dibayar kepada pemandu dalam perkhidmatan Kerajaan.	1-1-1996

(1)	(2)
<i>Elaun dan uniform bagi seseorang drebar Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(d) Bagi maksud perenggan ini, suatu perjanjian kerja hendaklah dibuat antara seseorang Hakim dengan seseorang drebar.	16-1-2024

Elaun dan perbelanjaan dalam perenggan ini atau sebahagian daripadanya hendaklah dibayar kepada Hakim yang mengambil kerja seorang drebar, atau dalam hal keadaan jika suatu permohonan dibuat oleh Hakim, dibayar terus kepada drebar:

Dengan syarat bahawa, Kerajaan hendaklah tidak bertanggung atas apa-apa isu atau tanggungjawab yang berbangkit antara Hakim dengan drebar itu, jika ada.

6A. ELAUN LAIN PEKERJA:

(1)	(2)
<i>Elaun, caruman atau pendapatan tambahan bagi pekerja-pekerja seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
Maka hendaklah dibayar bagi pekerja seseorang Hakim seperti yang disebut dalam Jadual ini mana-mana elaun, caruman atau pendapatan tambahan yang tidak ada peruntukan tertentu dibuat dalam Jadual ini tetapi dibayar atau diperuntukkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa bagi pekerja seseorang pegawai dalam tingkatan tertinggi "A" ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas perkhidmatan awam, yang bekerja dalam jawatan setaraf atau serupa dengannya sebagai pekerja seseorang Hakim. Elaun, caruman dan pendapatan tambahan dalam perenggan ini hendaklah dibayar atau dibayar kembali kepada Hakim yang menggajikan pekerja itu.	1-7-1980

7. ELAUN SARA HIDUP:

(1)

*Elaun yang boleh dibayar
kepada seseorang Hakim*

Elaun sara hidup yang boleh dibayar bagi pegawai yang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi "A" ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas perkhidmatan awam, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa jika seseorang Hakim bertugas lebih daripada lapan jam di luar ibu pejabat, dia hendaklah dibayar elaun penuh.

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

1-7-1980

8. BELANJA PENGINAPAN:

(1)

*Belanja yang boleh dituntut
oleh seseorang Hakim*

Belanja penginapan atau elaun penginapan yang boleh dibayar bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi "A" ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas perkhidmatan awam, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

1-7-1980

9. PENDAHULUAN UNTUK MEMBELI MOTOKAR:

(1)

*Pendahuluan yang diberi kepada
seseorang Hakim*

Skim pinjaman kereta yang terpakai bagi pegawai yang berkhidmat dalam tingkatan tertinggi "A" ke atas dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas perkhidmatan awam, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

1-7-1980

10. PAKAIAN RASMI DSB.:

(1)	(2)
<i>Elaun bagi seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Seseorang Hakim adalah layak menuntut bantuan bayaran sebanyak RM1,500.00 sekali dalam tempoh dua tahun sebagai elaun pakaian rasmi yang digunakan sewaktu bersidang.	5-12-2008
(b) Seseorang Hakim adalah layak dibekalkan dengan pakaian istiadat dengan harga sebagaimana yang diluluskan oleh Perbendaharaan.	1-1-1996
(c) Seseorang Hakim layak menerima elaun pakaian panas mengikut amaun yang diluluskan oleh Perbendaharaan, yang tidak kurang daripada yang kena dibayar kepada pegawai Gred Utama A dalam perkhidmatan awam, apabila dikehendaki bertugas di luar Negara yang beriklim sejuk atau sederhana.	5-12-2008
(d) Seseorang Hakim layak menerima bantuan bayaran sebanyak amaun yang diluluskan oleh Perbendaharaan, yang tidak kurang daripada yang kena dibayar kepada Pegawai Gred Utama A dalam perkhidmatan awam bagi pakaian " <i>Black Tie</i> ".	5-12-2008
(e) Pasangan seseorang Hakim layak menerima elaun pakaian bagi menghadiri majlis pengurniaan pingat dan bintang, sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri, seperti yang diberikan kepada pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	1-1-2012

11. KEMUDAHAN PERUBATAN:

(1)	(2)
<i>Kemudahan seseorang Hakim dan anggota keluarganya</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Segala kemudahan perubatan yang diberikan kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam jawatan Gred Utama A dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	1-1-1996

(1)

*Kemudahan seseorang Hakim
dan anggota keluarganya*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (b) Bagi rawatan di luar negeri, perakuan hendaklah dikeluarkan oleh suatu lembaga perubatan yang ditubuhkan oleh Ketua Hakim Negara yang keanggotaannya hendaklah mengikut subseksyen 8A(2). Sebelum mengeluarkan perakuan itu, lembaga perubatan hendaklah mendapatkan kelulusan Perdana Menteri terlebih dahulu.
- (c) Hakim yang bersara yang menerima pencen atau faedah lain di bawah Akta ini, isteri atau suami Hakim itu dan anaknya adalah masing-masing layak menerima kemudahan perubatan yang sama seperti pegawai yang bersara dalam jawatan Gred Utama A dalam perkhidmatan awam, isteri atau suami mereka dan anak mereka.

1-1-1996

1-1-1996

12. CUTI:

(1)

*Jenis cuti dan bilangan hari yang
layak bagi seseorang Hakim*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

(a) *Cuti Rehat*

1-1-1996

- (i) 35 hari dalam satu tahun tidak termasuk hari kelepasan am dan hari kelepasan mingguan. Cuti rehat hendaklah diambil dalam tahun cuti itu terakru dan jika disebabkan oleh kepentingan perkhidmatan, cuti tidak diambil dalam tahun itu, maka cuti itu bolehlah dibawa ke hadapan sehingga dua tahun berikutnya, ke tahun ketiga; dengan syarat bahawa cuti tahun pertama yang tidak dihabiskan dalam tahun ketiga akan luput pada akhir tahun ketiga itu.
- (ia) Dalam hal Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik menjadi Hakim, jika disebabkan oleh kepentingan perkhidmatan, cuti tidak diambil dalam tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman, maka cuti yang tidak diambil itu boleh dibawa ke hadapan dan dikira sebagai cuti yang layak baginya sebagai Hakim.

5-12-2008

(1)	(2)
<i>Jenis cuti dan bilangan hari yang layak bagi seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
<p>(ii) Seseorang Hakim yang hendak menggunakan cuti rehatnya bagi maksud perjalanan ke luar negeri hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu.</p> <p>Pihak berkuasa yang meluluskan bagi maksud subsubperenggan ini ialah—</p> <p>(aa) bagi Ketua Hakim Negara, Perdana Menteri;</p> <p>(bb) bagi Presiden, Hakim Besar dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Ketua Hakim Negara;</p> <p>(cc) bagi Hakim lain, Presiden atau Hakim Besar yang berkenaan.</p> <p>(iii) Peruntukan-peruntukan lain mengenai cuti rehat yang terpakai bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam jawatan Gred Utama A dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.</p>	<p>1-1-1996</p>
<p>(b) <i>Cuti sakit dan kemudahan yang berhubungan dengannya</i></p> <p>(i) Peruntukan-peruntukan mengenai cuti sakit dan kemudahan yang berhubungan dengannya yang terpakai bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam jawatan Gred Utama A dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.</p> <p>(ii) Berhubung dengan kelulusan, sebutan mengenai “Ketua Jabatan” dan “Kuasa Tertentu” dalam peruntukan yang mengawal selia pegawai dalam perkhidmatan awam hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Perdana Menteri dalam hal Ketua Hakim Negara dan Ketua Hakim Negara dalam hal Hakim lain bagi maksud subperenggan ini.</p>	<p>1-1-1996</p>

(1)

Jenis cuti dan bilangan hari yang layak bagi seseorang Hakim

(2)

Tarikh mula berkuat kuasa

- (iii) Jika suatu lembaga perubatan dikehendaki ditubuhkan bagi maksud subperenggan ini, maka Ketua Hakim Negara bolehlah menubuhkan lembaga perubatan dan keanggotaan lembaga perubatan itu hendaklah mengikut subseksyen 8A(2).
- (c) *Cuti tibi, kusta dan barah dan penyakit serius yang lain* 1-1-1996
- Mengikut faedah cuti dan kemudahan rawatan yang boleh diberikan kepada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam jawatan Gred Utama A dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (d) *Cuti Haji* 1-1-1996
- Sekali dalam tempoh perkhidmatannya, tertakluk pada had maksimum sebanyak 40 hari, termasuk cuti hujung minggu dan hari kelepasan am, kepada Hakim yang beragama Islam. Pihak berkuasa yang meluluskan yang disebut dalam subperenggan (a) hendaklah menjadi pihak berkuasa yang meluluskan bagi maksud subperenggan ini.
- (e) *Jenis cuti yang lain*
- (i) *Cuti bersalin/cuti isteri bersalin* 1-1-1996
- Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.
- (ii) *Cuti tanpa gaji* 1-1-1996
- Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Dalam subsubperenggan ini, “tanpa gaji” ertinya tanpa gaji pokok, subsidi sewa rumah, elaun keraian dan elaun khas kehakiman.

(1)	(2)
<i>Jenis cuti dan bilangan hari yang layak bagi seseorang Hakim</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(iii) Cuti kematian ahli keluarga terdekat	1-1-2009
<p>Boleh diberikan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Dalam subsubperenggan ini, “ahli keluarga terdekat” ertinya suami atau isteri, ibu kandung atau ibu angkat, bapa kandung atau bapa angkat, ibu mentua, bapa mentua, anak kandung, anak angkat yang sah di sisi undang-undang, anak angkat <i>de facto</i>, anak pelihara, adik-beradik, nenek dan datuk Hakim itu.</p>	

12A. BAYARAN SEBAGAI GANTI CUTI:

(1)	(2)
<i>Pengumpulan cuti oleh seseorang Hakim untuk award wang tunai</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Jika, disebabkan oleh desakan perkhidmatan, seseorang Hakim tidak berupaya mengambil cuti rehat tahunannya, dia bolehlah memilih mengumpul sehingga setengah cuti rehat yang layak baginya tetapi tertakluk pada suatu maksimum sebanyak lima belas hari dalam setahun dan, semasa bersara atau kematiannya—	1-1-1974
(i) diberi award wang tunai yang bersamaan dengan satu pertiga puluh gaji bulanan terakhir yang diterima olehnya bagi tiap-tiap satu hari cuti yang terkumpul hingga maksimum sebanyak seratus lapan puluh hari; atau	
(ii) menukar cuti rehat yang terkumpul itu, hingga maksimum seratus lapan puluh hari, sebagai perkhidmatan yang diiktiraf dalam mengira pensen atau ganjarannya.	

Mana-mana cuti rehat yang tidak diambil dalam tahun sebelumnya bolehlah diambil kira dalam menghitung cuti rehat bagi maksud perenggan ini tetapi tertakluk,

(1)

*Pengumpulan cuti oleh seseorang
Hakim untuk award wang tunai*

walau bagaimanapun, hingga terkumpul maksimum lima belas hari bagi tiap-tiap tahun.

Pada tahun akhir perkhidmatannya, seseorang Hakim dibenarkan mengumpul cuti rehat bagi maksud Bayaran sebagai Ganti Cuti daripada baki jumlah cuti rehat yang layak bagi dirinya pada tahun itu sehingga maksimum yang sama banyak dengan kadar cuti rehatnya:

Dengan syarat bahawa jumlah cuti rehat yang dikumpulkan itu tidak boleh melebihi maksimum seratus lapan puluh hari.

“Gaji bulanan yang akhir diterima” ertinya gaji pokok yang dicampur subsidi sewa rumah, elaun keraian dan elaun khas kehakiman bagi seseorang Hakim yang mati atau bersara pada atau selepas 1 Ogos 1993.

- (b) Jika, disebabkan oleh desakan perkhidmatan, seseorang Hakim tidak berupaya menghabiskan cuti rehat tahunan semasanya, dia boleh memilih untuk mengumpul daripada baki cutinya itu, sebarang jumlah hari yang tidak melebihi 15, supaya pada hari persaraannya atau kematiannya Hakim itu atau warisnya diberi award wang tunai yang bersamaan dengan satu pertiga puluh daripada gaji bulanan yang akhir diterimanya untuk setiap hari sehingga maksimum seratus lapan puluh hari.

Pada tahun akhir perkhidmatannya, seseorang Hakim dibenarkan mengumpul cuti rehat bagi maksud Bayaran sebagai Ganti Cuti daripada baki jumlah cuti rehat yang layak bagi dirinya pada tahun itu sehingga maksimum yang sama banyak dengan kadar cuti rehatnya:

Dengan syarat bahawa jumlah cuti rehat yang dikumpulkan itu tidak boleh melebihi maksimum seratus lapan puluh hari.

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

1-1-1996

(1)

*Pengumpulan cuti oleh seseorang
Hakim untuk award wang tunai*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

Dalam subperenggan ini, “gaji bulanan yang akhir diterima” ertinya gaji pokok yang dicampur subsidi sewa rumah, elaun keraian dan elaun khas kehakiman.

13. FAEDAH KEMATIAN DAN BENCANA DALAM KEMALANGAN KAPAL TERBANG:

(1)

*Faedah kepada Hakim atau
tanggungannya*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

Tanggungannya kerana bencana atau kematian akibat kemalangan kapal terbang dalam masa menjalankan kewajipan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan. Kadar faedah kematian dan faedah hilang upaya akibat kemalangan tersebut adalah seperti yang berikut:

3-9-1971

- (a) Bagi kematian yang disebabkan oleh sesuatu bencana yang didapati dalam kemalangan, sebanyak RM150,000.00:

Dengan syarat bahawa jika orang tanggungan atau wakil dirinya di sisi undang-undang berhak menerima faedah yang sama di bawah mana-mana peruntukan lain Akta ini, maka orang tanggungan atau wakil dirinya di sisi undang-undang itu adalah berhak mengikut pilihannya menerima satu faedah sahaja.

- (b) Bagi hilang upaya kekal disebabkan oleh sesuatu bencana yang didapati dalam suatu kemalangan yang mengakibatkan—

- (i) kehilangan dua anggota atau lebih dengan sebenarnya terpisah pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat dipulihkan penglihatan kedua-dua belah mata; atau kehilangan satu anggota bersama dengan kehilangan penglihatan sebelah mata: RM275,000.00;

(1)

(2)

*Faedah kepada Hakim atau
tanggungannya*

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (ii) kehilangan satu anggota dengan sebenarnya terpisah pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau kehilangan langsung dan tidak dapat dipulihkan penglihatan sebelah mata: RM150,000.00;
- (iii) tidak berdaya langsung (hilang upaya langsung) untuk mengambil bahagian dalam atau menumpukan perhatian kepada sesuatu profesion atau kerja: RM275,000.00;
- (iv) hilang upaya separa: mengikut kadar, taksiran perubatan berdasarkan darjah peratusan hilang upaya itu.

13A. KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN SEMASA BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN:

Seseorang Hakim layak menerima kemudahan perlindungan insurans kesihatan semasa berada di luar negara atas urusan persendirian mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan, yang diberikan kepada seseorang pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

14. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN

(1)

(2)

*Kemudahan pinjaman perumahan
bagi Hakim*

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (a) Kemudahan pembiayaan perumahan sektor awam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam 2015 [*Akta 767*] tertakluk pada pembiayaan maksimum sebanyak RM700,000.00.
- (b) Seseorang Hakim yang dilantik daripada Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang telah mendapat kemudahan pembiayaan perumahan daripada Kerajaan semasa berkhidmat

1-10-2015

(1)

(2)

*Kemudahan pinjaman perumahan
bagi Hakim*

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

dalam mana-mana gred layak mendapat kemudahan pembiayaan perumahan semasa menjadi Hakim pada amaun pembiayaan maksimum dan hendaklah dianggap sebagai pembiayaan baharu.

- (c) Seseorang Hakim layak memohon pembiayaan kali kedua dalam tempoh perkhidmatannya, tertakluk pada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.

15. BEKALAN UTILITI:

(1)

(2)

Bekalan utiliti bagi Hakim

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (a) Bekalan utiliti bagi rumah kediaman rasmi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.
- (b) Seseorang Hakim hendaklah dibayar balik bayaran yang dibuat untuk bekalan utiliti bagi rumah yang didudukinya.

Bagi maksud perenggan ini, bekalan utiliti merujuk kepada air, pembentungan, elektrik dan gas bermeter.

15A. BAYARAN BIL TELEFON DAN INTERNET:

(1)

(2)

Bayaran bil telefon dan internet bagi Hakim

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

- (a) Bil telefon dan internet termasuk bil perkhidmatan stesen televisyen berbayar bagi rumah kediaman rasmi Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar, dan apa-apa kemudahan

1-10-2015

(1)

Bayaran bil telefon dan internet bagi Hakim

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

lain yang berkaitan dengan kemudahan itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.

- (b) Bil telefon mudah alih Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar yang tidak melebihi RM500.00 sebulan, dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan dengan telefon mudah alih itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.
- (c) Seseorang Hakim hendaklah dibayar balik bayaran yang dibuat untuk —
- (i) Bil telefon dan internet rumah yang diduduki; dan
- (ii) Bil telefon mudah alih tidak melebihi RM500.00 sebulan,

dan apa-apa kemudahan lain yang berkaitan dengan telefon, internet dan telefon mudah alih itu.

15B. KEMUDAHAN PEMBELIAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH:

(1)

*Kemudahan pembelian alat komunikasi mudah alih
bagi Hakim*

(2)

*Tarikh mula
berkuat kuasa*

Seseorang Hakim hendaklah dibayar kembali bayaran yang dibuat olehnya untuk pembelian telefon bimbit mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan seperti yang diberikan kepada pegawai Turus III dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

23-1-2009

16. TAMBANG BERBAYAR UNTUK PERJALANAN KE LUAR NEGERI:

(1)	(2)
<i>Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
(a) Sekali dalam tiap-tiap tahun perkhidmatannya, dalam hal Ketua Hakim Negara.	5-12-2008
(aa) Sekali dalam tempoh tiap-tiap lima tahun perkhidmatannya, seseorang Hakim, selain daripada Ketua Hakim Negara, boleh menggunakan kemudahan ini pada bila-bila masa dalam tempoh kelayakan.	1-5-2010
(ab) Seseorang Hakim layak mendapat tambang yang dibayar oleh Kerajaan bagi perjalanan ke luar Negara ke destinasi pilihannya untuk dirinya, suami atau isteri dan tiga orang anak tanggungannya yang berumur kurang daripada dua puluh satu tahun.	5-12-2008
(ac) Tambang bagi perjalanan itu tidak boleh melebihi tambang kapal terbang pergi balik dari Kuala Lumpur ke London dalam kelas pertama bagi Hakim itu atau suami atau isterinya dan dalam kelas ekonomi bagi mana-mana atau ketiga-tiga anak tanggungannya itu.	5-12-2008
(ad) Jika seseorang Pesuruhjaya Kehakiman dilantik menjadi Hakim, tempoh perkhidmatannya sebagai Pesuruhjaya Kehakiman hendaklah dikira sebagai tempoh perkhidmatan sebagai Hakim walaupun lantikan sebagai Hakim itu telah dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa perenggan ini, dengan syarat Hakim itu masih dalam perkhidmatan pada tarikh permulaan kuat kuasa itu.	1-10-2015
(ae) Seseorang Hakim boleh memilih untuk sama ada menggunakan kemudahan tambang berbayar bagi perjalanan ke luar negeri dalam bentuk tiket penerbangan atau wang tunai mengikut kadar dan syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan seperti yang diberikan kepada pegawai Turus III dalam perkhidmatan awam	1-5-2010

(1)

Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu

(2)

Tarikh mula berkuat kuasa

sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.

- | | | |
|------|---|----------|
| (af) | Jika seseorang Hakim tidak membuat pilihan untuk menggunakan kemudahan tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dalam bentuk tiket penerbangan atau wang tunai, Hakim tersebut akan diberi kemudahan itu dalam bentuk wang tunai secara automatik apabila genap 5 tahun tempoh kelayakan, atau 1 tahun dalam hal Ketua Hakim Negara, atau apa-apa syarat lain yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan yang diberikan kepada pegawai Turus III dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. | 1-5-2010 |
| (b) | Jika destinasi adalah lebih dekat daripada Kuala Lumpur/London/Kuala Lumpur, hanya tambang sebenar ke destinasi yang dipilihnya itu sahaja yang akan dibayar oleh Kerajaan. Jika destinasi yang dipilih adalah lebih jauh daripada Kuala Lumpur/ London/Kuala Lumpur, Hakim adalah dikehendaki membayar perbezaan tambang yang lebih itu. | 1-7-1980 |
| (c) | Kemudahan tambang berbayar ini hendaklah digunakan semasa Hakim masih dalam jawatannya atau selewat-lewatnya enam (6) bulan selepas Hakim bersara. | 1-1-2010 |
| (d) | Kemudahan ini juga boleh digunakan secara berasingan oleh Hakim dan isteri atau suaminya iaitu tidak semestinya digunakan sekaligus oleh Hakim itu dengan isteri atau suaminya atau pada masa yang sama. | 1-7-1980 |
| (e) | Seseorang Hakim yang memilih untuk menurunkan kelas penerbangannya daripada tambang kelas pertama kepada tambang kelas perniagaan atau tambang kelas ekonomi atau memilih untuk membeli pakej pelancongan akan dibayar perbezaan antara tambang sebenar (tidak melebihi had tambang). Jika tambang sebenar | 1-1-2010 |

(1)

Tambang berbayar untuk perjalanan ke luar negeri dan orang tanggungan tertentu

(2)

Tarikh mula berkuat kuasa

melebihi had tambang, perbezaan yang boleh dibayar ialah perbezaan antara had tambang dengan tambang penerbangan yang diturunkan atau pakej pelancongan itu.

16A. TAMBANG BERBAYAR UNTUK MENGENJUNGI WILAYAH ASAL:

(1)

Tambang berbayar untuk perjalanan di dalam Malaysia bagi Hakim dan isteri atau suami dan anak-anak

(2)

Tarikh mula berkuat kuasa

Sekali dalam tiap-tiap 1 tahun dalam perkhidmatannya, seseorang Hakim dari Semenanjung Malaysia yang berkhidmat di Sabah atau Sarawak atau seseorang Hakim dari Sabah atau Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung Malaysia adalah layak mendapat tambang kapal terbang berbayar oleh Kerajaan untuk perjalanan balik ke Semenanjung Malaysia atau ke Sabah atau Sarawak bagi dirinya, suami atau isterinya (tambang kelas pertama) dan tiga orang anak di bawah umur dua puluh satu tahun (tambang kelas ekonomi). Kemudahan ini hendaklah digunakan dalam tahun semasa.

1-1-1996

17. ELAUN KHAS KEHAKIMAN:

(1)

Hakim

(2)

Amaun

(3)

Tarikh Mula berkuat Kuasa

- | | | |
|--|------------------------|----------|
| 1. Ketua Hakim Negara | RM15,000.00
sebulan | 1-1-2009 |
| 2. Presiden Mahkamah Rayuan | RM12,000.00
sebulan | 1-1-2009 |
| 3. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya | RM10,000.00
sebulan | 1-1-2009 |

	(1)	(2)	(3)
	<i>Hakim</i>	<i>Amaun</i>	<i>Tarikh Mula berkuat Kuasa</i>
4.	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak	RM10,000.00 sebulan	1-1-2009
5.	Hakim Mahkamah Persekutuan	RM8,000.00 sebulan	1-1-2009
6.	Hakim Mahkamah Rayuan	RM7,000.00 sebulan	1-1-2009
7.	Hakim Mahkamah-Mahkamah Tinggi di Malaya dan Sabah dan Sarawak	RM6,000.00 sebulan	1-1-2009

18. KAD PESARA:

1-1-1996

- (a) Ketua Hakim Negara boleh mengeluarkan kad pesara kepada seseorang bekas Hakim yang menerima pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dan kepada isteri atau suami Hakim itu bagi maksud pengenalan dan untuk melayakkannya menerima faedah perubatan dan kemudahan lain yang ditentukan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- (b) Kad pesara itu hendaklah diserahkan kepada Ketua Hakim Negara apabila bekas Hakim itu tidak lagi layak menerima faedah perubatan dan kemudahan lain itu.
- (c) Sekiranya kad pesara itu hilang dan suatu kad baru diperlukan, maka bekas Hakim itu atau isteri atau suaminya hendaklah membuat laporan polis dan suatu salinan laporan polis itu hendaklah dikemukakan kepada Ketua Hakim Negara, yang boleh mengeluarkan kepadanya suatu kad baru.

19. BAYARAN/ FI KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN

(1)	(2)
<i>Bayaran/Fi Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan</i>	<i>Tarikh Mula berkuat Kuasa</i>
Seseorang Hakim adalah layak menuntut bayaran/fi keahlian kelab rekreasi dan sukan yang boleh dibayar bagi pegawai Gred Utama A sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.	1-1-2010

JADUAL KETIGA

(Dipotong oleh Akta A1462)

JADUAL KEEMPAT

(Dipotong oleh Akta A1462)

JADUAL KELIMA

[Seksyen 19A]

1. GAJI:

RM33,150.00 sebulan

2. ELAUN KERAJIAN:

RM4,500.00 sebulan

3. ELAUN KHAS KEHAKIMAN:

RM5,000.00 sebulan

4. TEMPAT TINGGAL:

- (i) Rumah khas percuma berperabot lengkap yang (termasuk perkarangan rumah) akan diselenggarakan dengan percuma, atau sebagai gantinya subsidi sewa rumah sebanyak RM2,500.00 sebulan;

- (ii) Peruntukan sebanyak RM1,500.00 sebulan untuk pembantu rumah; dan
- (iii) Peruntukan sebanyak RM3,000.00 setahun untuk penyelenggaraan rumah dan halaman.

5. ELAUN DAN KEISTIMEWAAN LAIN:

Elaun dan keistimewaan yang dinyatakan dalam perenggan 1A, 3, 3A, 3B, 3C, 4, 5, 6, 6A, 7, 8, 10, 11, 12, 13, 13A, 14, 15, 15A dan 15B Jadual Kedua.

6. GANJARAN:

(1)	(2)
<i>Ganjaran</i>	<i>Tarikh mula berkuat kuasa</i>
Seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang telah tamat tempoh pelantikannya dan tidak dilantik sebagai Hakim layak menerima ganjaran seperti yang berikut:	1-9-2010
<p>(a) seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang tidak mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dibayar ganjaran berdasarkan perkiraan seperti yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">17.5% x gaji akhir x jumlah genap bulan perkhidmatan, seperti yang diberikan kepada pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa; dan</p> <p>(b) seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dibayar ganjaran berdasarkan perkiraan seperti yang berikut:</p> <p style="padding-left: 40px;">(17.5% - peratus kadar caruman majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa) x (gaji akhir x jumlah genap bulan perkhidmatan) – (jumlah faedah ke atas caruman majikan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja), seperti yang diberikan kepada pegawai dalam perkhidmatan awam sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa.</p>	

7. BAYARAN SEBAGAI GANTI CUTI

Seseorang Pesuruhjaya Kehakiman yang telah tamat tempoh pelantikannya tetapi tidak dapat mengambil cuti rehat tahunannya disebabkan oleh desakan perkhidmatan, layak diberikan bayaran wang tunai sebagai ganti cuti rehat bersamaan dengan satu pertiga puluh daripada gaji bulanan yang akhir diterimanya bagi setiap hari tertakluk pada syarat seperti yang berikut:

- (a) maksimum cuti rehat yang dibenarkan bagi maksud pemberian wang tunai adalah sebanyak lapan hari atau satu per empat daripada kadar cuti rehat setahun, mengikut mana yang lebih rendah, dan jika bilangan hari tersebut melibatkan angka perpuluhan, pengiraan hendaklah dibundarkan kepada angka bulat yang terhampir;
 - (b) maksimum cuti rehat yang dibenarkan bagi maksud pemberian wang tunai bagi sepanjang tempoh pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman adalah sebanyak tiga puluh lima hari;
 - (c) hanya Pesuruhjaya Kehakiman yang telah tamat tempoh pelantikannya dan tidak dilantik sebagai Hakim layak diberikan bayaran tunai sebagai gantian cuti rehat yang tidak dapat diambil;
 - (d) tempoh pelantikan yang berkuat kuasa tidak boleh kurang daripada satu tahun; dan
 - (e) dia tidak mempunyai apa-apa alasan penghakiman atau kes sambung bicara yang belum selesai.
-

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 45

AKTA SARAAN HAKIM 1971

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(A) 403/1972	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim 1972	22-12-1972
P.U.(A) 360/1973	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim 1973	21-12-1973
P.U.(A) 47/1975	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim 1975	01-04-1974
P.U.(A) 432/1975	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan) (No. 2) 1975	26-12-1975
Akta A420	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1978	24-02-1978
Akta A443	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1979	01-01-1976
P.U.(A) 11/1979	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1979	26-01-1979
Akta A463	Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 1979	14-09-1979
Akta A494	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980	01-07-1980
P.U.(A) 366/1980	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1980	01-08-1979
P.U.(A) 367/1980	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) (No.2) 1980	01-07-1980

Saraan Hakim

61

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A609	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1984	01-07-1980 kecuali s.1(2): 01-01-1985
Akta A796	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1991	12-04-1991 kecuali s.3: 01-10-1988
P.U.(A) 405/1991	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama) 1991	01-01-1991
P.U.(A) 144/1993	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual) 1993	04-06-1993 kecuali subperaturan 2(1): 01-01-1989 dan peraturan 3 dan 4: 01-01-1992
Akta A872	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1994	01-01-1992
Akta A885	Akta Perlembagaan (Pindaan) 1994	24-06-1994
Akta A899	Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 1994	01-07-1994
P.U.(A) 567/1996	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1996	15-11-1996
P.U.(A) 378/1997	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual) 1997	02-10-1997 kecuali perenggan 4(a), 01-01-1995 dan perenggan 4(b), (c), (d) dan (e), 01-01-1996
Akta A1013	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1998	01-01-1995
P.U.(A) 256/1998	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kelima) 1998	01-01-1996

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(A) 298/1998	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 1998	01-03-1998
P.U.(A) 55/2000	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2000	01-03-1998
P.U.(A) 423/2000	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Jadual Kelima) 2000	01-01-2000
P.U.(A) 159/2002	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Jadual Kelima) 2002	01-01-2002
Akta A1170	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2002	01-01-2002
P.U.(A) 67/2005	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Kelima) 2005	01-01-2004
Akta A1258	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2005	21-03-2005
P.U.(A) 425/2006	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2006	01-08-2003
P.U.(A) 9/2008	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Kelima) 2008.	01-07-2007
P.U.(A) 128/2008	Akta Saraan Hakim - Pembedulan	02-05-2008
Akta A1338	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2008	28-08-2008

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A1346	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2009	s.7 dan s.8(1), (2) dan (3): 01-01-2009 s.2 dan 6 dan s.8(4): 01-01-2008 s.3, 4 dan 5: yang berhubungan dengan penyusutan amaun pencen terbitan kepada tujuh puluh peratus selepas tempoh dua belas tahun setengah: 01-01-2009; yang berhubungan dengan kehendak pemastautin di Malaysia: 01-01-2008
P.U.(A) 55/2009	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2009	13-02-2009
P.U.(A) 194/2009	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama, Kedua dan Kelima) 2009	01-01-2009
P.U.(A) 359/2009	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2009 - Pembetulan	01-01-2009
P.U.(A) 228/2010	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2010	Perenggan 2(a) dan 3(a): 01-09-2007; Perenggan

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
		2(b),2(c), (d), 2(e),2(f),2(h), 3(b) dan 3(c): 01-01-2009; Perenggan 2(g) dan 2(i): 01-01-2010
Akta A1401	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2011	s.2, 3, 5, 6 dan 7: 01-01-2009; s.4: 28-08-2008
Akta A1412	Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011	01-01-2012
P.U.(A) 124/2012	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2012	Perenggan 2(a),2(c) dan 2(d): 01-01-2012; Perenggan 2(b): 13-01-2011; Perenggan 2(e): 23-01-2009; Perenggan 2(f): 01-05-2010; Perenggan 3(a): 04-05-2012; Perenggan 3(b): 01-09-2010
Akta A1462	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2014	s.2, 4, 5 dan 6: 01-01-2014; s.3: 01-07-2013
P.U.(A) 244/2014	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua dan Kelima) 2014	01-07-2013
P.U.(A) 295/2015	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2015	01-10-2015

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(A) 59/2016	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Kelima) 2016	01-07-2015
Akta A1494	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2015	18-01-2016
Akta A1531	Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2017	01-06-2017
P.U. (A) 29/2023	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2023	01-01-2022
P.U. (A) 7/2024	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Kedua) 2024	Perenggan 2(a): 16-01-2024; Perenggan 2(b): 01-07-2015; Perenggan 2(c): 01-01-2023
P.U. (A) 455/2025	Peraturan-Peraturan Saraan Hakim (Pindaan Jadual Pertama dan Kelima) 2025	01-01-2026

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 45

AKTA SARAAN HAKIM 1971

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Tajuk panjang	Akta A609	01-07-1980
1A	Akta A609	01-07-1980; kecuali dalam ss.1(2), 01-01-1985;
	Akta A899	01-07-1994
	Akta A1258	21-03-2005
	Akta A1346	01-01-2008
	Akta A1338	28-08-2008
	Akta A1462	01-01-2014
2	Akta A443	01-01-1976
Bahagian III	Akta A609	01-07-1980
3	Akta A443	01-01-1976
	Akta A609	01-07-1980
4	Akta A609	01-07-1980
	Akta A1401	01-01-2009
	Akta A1531	01-06-2017
5	Akta A872	01-01-1992
	Akta A1401	01-01-2009
	Akta A1531	01-06-2017
6	Akta A609	01-07-1980
7	Akta A443	01-01-1976
	Akta A609	01-07-1980
	Akta A1013	01-01-1995

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
7A	Akta A1338 Akta A1401	28-08-2008 28-08-2008
8	Akta A443 Akta A463 Akta A609 Akta A899 Akta A1258 Akta A1462 Akta A1531	01-01-1976 14-09-1979 01-07-1980 01-07-1994 21-03-2005 01-07-2013 01-06-2017
8A	Akta A463	14-09-1979
8B	Akta A463 Akta A872 Akta A899	14-09-1979 01-01-1992 01-07-1994
8C	Akta A872 Akta A899 Akta A1531	01-01-1992 01-07-1994 01-06-2017
9	Akta A899 Akta A1401	01-07-1994 01-01-2009
10	Akta A443 Akta A609 Akta A1346	01-01-1976 01-07-1980 01-01-2009
11	Akta A609 Akta A1346 Akta A1412	01-07-1980 01-01-2009 01-01-2012
11A	Akta A609 Akta A1170 Akta A1346	01-07-1980 01-01-2002 01-01-2009
11B	Akta A609	01-07-1980
11C	Akta A609 Akta A1170	01-07-1980 01-01-2002
11D	Akta A609	01-07-1980
11E	Akta A609	01-07-1980

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
12	Akta A420	24-02-1978
	Akta A443	01-01-1976
	Akta A609	01-07-1980
	Akta A872	01-01-1992
13	Akta A609	01-07-1980
	Akta A1494	18-01-2016
Bahagian IIIA	Akta A609	01-07-1980
15A	Akta A609	01-07-1980
	Akta A1346	01-01-2008
15B	Akta A609	01-07-1980
	Akta A899	01-07-1994
	Akta A1462	01-01-2014
17	Akta A609	01-07-1980
19	Akta A796	12-04-1991
	Akta A872	01-01-1992
19A	Akta A872	01-01-1992
	Akta A1338	28-08-2008
Jadual Pertama	Akta A443	01-01-1976
	Akta A494	01-07-1980
	Akta A796	12-04-1991; kecuali s.3, 01-10-1988
	P.U.(A) 405/1991	01-01-1991
	P.U.(A) 144/1993	01-01-1992
	Akta A899	01-07-1994
	P.U.(A) 378/1997	02-10-1997
	P.U.(A) 423/2000	01-01-2000
	P.U.(A) 159/2002	01-01-2002
	P.U.(A) 67/2005	01-01-2004
	P.U.(A) 9/2008	01-07-2007
	P.U.(A) 194/2009	01-01-2009
	P.U.(A) 59/2016	01-07-2015
	P.U. (A) 455/2025	01-01-2026

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Kedua	P.U.(A) 403/1972	22-12-1972
	P.U.(A) 360/1973	21-12-1973
	P.U.(A) 47/1975	01-04-1974
	P.U.(A) 432/1975	26-12-1975
	P.U.(A) 11/1979	26-01-1979
	P.U.(A) 366/1980	01-08-1979
	P.U.(A) 367/1980	01-07-1980
	Akta A609	01-07-1980
	P.U.(A) 144/1993	01-01-1992
	Akta A899	01-07-1994
	P.U.(A) 567/1996	15-11-1996
	P.U.(A) 378/1997	02-10-1995
	P.U.(A) 298/1998	01-03-1998
	P.U.(A) 55/2000	01-03-1998
	P.U.(A) 425/2006	01-08-2003
	P.U.(A) 55/2009	13-02-2009
	P.U.(A) 194/2009	01-01-2009
	P.U.(A) 228/2010	Perenggan 2(a) dan 3(a), 01-09-2007; Perenggan 2(b), 2(c), 2(d), 2(e), 2(f), 2(h), 3(b) dan 3(c), 01-01-2009; Perenggan 2(g) dan 2(i), 01-01-2010
	P.U.(A) 124/2012	Perenggan 2(a), 2(c) dan 2(d); 01-01-2012; Perenggan 2(b), 13-01-2011; Perenggan 2(e), 23-01-2009; Perenggan 2(f), 01-05-2010
	P.U. (A) 244/2014	01-07-2013
	P.U. (A) 295/2015	01-10-2015
P.U. (A) 29/2023	01-01-2022	
P.U. (A) 7/2024	Perenggan 2(a): 16-01-2024; Perenggan 2(b): 01-07-2015;	

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
		Perenggan 2(c): 01-01-2023
Jadual Ketiga	Akta A609 Akta A1401 Akta A1462	01-07-1980 01-01-2009 01-01-2014
Jadual Keempat	Akta A609 Akta A1346 Akta A1401 Akta A1462	01-07-1980 01-01-2009 01-01-2009 01-01-2014
Jadual Kelima	Akta A872 P.U.(A) 378/1997 P.U.(A) 256/1998 P.U.(A) 423/2000 P.U.(A) 159/2002 P.U.(A) 67/2005 P.U.(A) 9/2008 P.U.(A) 55/2009 P.U.(A) 194/2009 P.U.(A) 228/2010 P.U.(A) 124/2012 P.U. (A) 244/2014 P.U. (A) 59/2016 P.U. (A) 455/2025	01-01-1992 Perenggan 4(a), 01-01-1995; Perenggan 4(b), 4(c), 4(d) dan 4(e); 01-01-1996 01-01-1996 01-01-2000 01-01-2002 01-01-2004 01-07-2007 13-02-2009 01-01-2009 Perenggan 3(a): 01-09-2007; Perenggan 3(b): 01-01-2009 Perenggan 3(a), 04-05-2012; Perenggan 3(b), 01-09-2010 01-07-2013 01-07-2015 01-01-2026
